



MEMO

**PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST)
JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

RUJUKAN : PLPKL/SA/10/82 (49)

TARIKH : 28 Julai 2010

PERKARA : ARAHAN PENGURUSAN CIAST BIL. 18 TAHUN 2010 POLISI PENGINAPAN ASRAMA CIAST	
DARIPADA : Pengarah	SALINAN :
KEPADA : Ketua Bahagian/Program CIAST Penyelia dan Warden Asrama	Ketua Pengarah JPK TPPL, TPPP

1. TUJUAN

Tujuan arahan ini adalah untuk memaklumkan mengenai pelaksanaan Polisi Penginapan Asrama CIAST.

2. LATAR BELAKANG

2.1 CIAST menyediakan kemudahan asrama kepada pelajar-pelajar yang mengikuti pelbagai kursus yang dianjurkan oleh Kerajaan dari semasa kesemasa.

2.2 CIAST juga sering menerima permohonan penginapan asrama dari pelbagai pihak untuk menggunakan kemudahan asrama oleh peserta-peserta yang menyertai pelbagai program di persekitaran Shah Alam, Selangor.

2.3 Oleh yang demikian satu polisi yang jelas perlu diwujudkan sebagai panduan untuk menguruskan permohonan penginapan di asrama CIAST.

2.4 Polisi Asrama CIAST telah dibentang dan dipersetujui dalam Mesyuarat Pengurusan Bil 6/2010 pada 20 Julai 2010 untuk dilaksanakan.

3. ARAHAN

3.1 Urusan permohonan penginapan dan penempatan penghuni di asrama CIAST hendaklah mematuhi Polisi Penginapan Asrama CIAST. Polisi Penginapan Asrama CIAST seperti dikembarkan.

3.2 Semua pegawai dan kakitangan yang terlibat dengan urusan penginapan di asrama CIAST hendaklah mengambil maklum dan mematuhi Polisi Penginapan Asrama CIAST yang telah diluluskan oleh Pengurusan.

4. TARIKH KUATKUASA

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

5. PENUTUP

Kerjasama tuan/puan adalah dipohon bagi memastikan Polisi Asrama CIAST dipatuhi sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pekerja Berinovasi Pemacu Transformasi"



(GHAZLAN BIN GHAZALI)

Pengarah CIAST,
Shah Alam,
SELANGOR

POLISI PENGINAPAN ASRAMA CIAST

1. KEMUDAHAN ASRAMA CIAST

BLOK	UNIT	KATIL
Blok K	50	50
Blok N	71	71
Blok M	27	27
Blok R Aras 0	14	28
Blok R Aras 1	38	76
Blok R Aras 2	38	76
Blok R Aras 3(S)	14	14
Blok R Aras 3	24	48
Blok R Aras 4(Eksekutif A, katil kelamin)	21	21
Blok R Aras 4(Eksekutif B, katil bujang)	17	17
JUMLAH	314	428
Bilik Seorang	200	200
Bilik Berdua	114	228

2. KELAYAKAN KEMASUKAN PENGHUNI

- 2.1 Semua peserta dan pelajar yang menghadiri kursus jangka pendek di CIAST.
- 2.2 Bagi pelajar kursus jangka panjang(DLPV, DPV dan SKM T3 + VTO) hanya dibenarkan menduduki asrama CIAST pada semester pertama sahaja
- 2.3 Pelajar kursus VTO dibenarkan tinggal di asrama untuk tempoh kursus selama tiga bulan.
- 2.4 Kakitangan kerajaan yang ingin menumpang menginap di asrama.
- 2.5 Peserta yang menyertai program agensi kerajaan.
- 2.6 Peserta yang menyertai program agensi swasta.
- 2.7 Peserta yang menyertai program Persatuan atau pertubuhan.

3. PROSEDUR PERMOHONAN

- 3.1 Permohonan tempahan asrama hendaklah dikemukakan kepada Penyelia Asrama, Bahagian Khidmat Pengurusan untuk semakan dan perakuan.
- 3.2 Penyelia Asrama akan memperakukan permohonan kepada Ketua Bahagian Khidmat Pengurusan untuk keputusan.

4. PENDAFTARAN MASUK DAN KELUAR

- 4.1 Pendaftaran masuk hendaklah dibuat pada waktu kerja pejabat kecuali hari kelepasan am pada jam 2.30 petang hingga 6.30 petang.
- 4.2 Bayaran penginapan hendaklah dijelaskan di Unit Kewangan Bahagian Khidmat Pengurusan dalam waktu kerja pejabat sebelum penyerahan kunci kepada Penyelia Asrama ketika pendaftaran keluar.
- 4.3 Pendaftaran keluar hendaklah dibuat pada waktu kerja pejabat di pejabat Penyelia Asrama.

5. KEMUDAHAN ASRAMA

- 5.1 Pelajar kursus jangka panjang hanya dibenarkan menduduki asrama untuk semester pertama sahaja.
- 5.2 Pelajar Kursus 'Vocational Training Officer'(VTO) selama tiga bulan dibenarkan tinggal diasrama sepanjang tempoh kursus berkenaan.
- 5.3 Kemudahan asrama disediakan seperti senarai inventori Kew PA 7 disetiap bilik asrama.
- 5.4 Kemudahan cadar, sarung bantal, selimut dan alat hias diri dibilik mandi(bagi bilik eksekutif) disediakan sekali setiap kali kemasukan penghuni.
- 5.5 Penukaran cadar dan sarung bantal dibuat seminggu sekali setiap hari Isnin sekiranya penghuni menginap melebihi tujuh hari.
- 5.6 Penukaran cadar, selimut dan sarung bantal diluar jadual boleh dibuat atas permintaan penghuni dengan bayaran perkhidmatan dobi dikenakan kepada penghuni.

6. KADAR BAYARAN ASRAMA SEHARI

- 3.1 Bilik eksekutif : RM50.00 seorang
- 3.2 Bilik 1 katil : RM20.00 seorang
- 3.3 Bilik dua katil : RM10.00 seorang
- 3.4 Pengecualian bayaran asrama diberi kepada pelajar kursus jangka panjang di CIAST seperti berikut;
 - a. Pelajar VTO
 - b. Pelajar Sijl Kemahiran Malaysia Tahap 3 + VTO
 - c. Pelajar Diploma Lanjutan Pengajar Vokasional(DLPV)
 - d. Pelajar Diploma Pengajar Vokasional(DPV)

7. PENEMPATAN PENGHUNI MENGIKUT JANTINA

Penempatan penghuni diasingkan mengikut jantina lelaki perempuan seperti berikut

BLOK	UNIT	KATIL	LELAKI/PEREMPUAN
Blok K	50	50	Lelaki
Blok R Aras 0	14	28	Lelaki
Blok R Aras 1	38	76	Lelaki
Blok R Aras 2	38	76	Lelaki
Blok N	71	71	Perempuan
Blok M	27	27	Perempuan
Blok R Aras 3(S)	14	14	Perempuan
Blok R Aras 3	24	48	Perempuan
Blok R Aras 4(eksekutif A)	21	21	Lelaki/Perempuan
Blok R Aras 4(eksekutif B)	17	17	Lelaki/Perempuan
JUMLAH	314	428	
Bilik Seorang	200	200	
Bilik Berdua	114	228	
Bilik Lelaki	140	230	
Bilik Perempuan	136	160	
Lelaki/perempuan	38	38	

8. KEROSAKAN DAN KEHILANGAN ASET KERAJAAN

- 8.1 Penghuni bertanggungjawab menyemak senarai inventori bilik asrama ketika masuk dan keluar bagi menentukan ia adalah lengkap dan dalam keadaan baik.
- 8.2 Kehilangan dan kerosakan aset/inventori dibilik penghuni adalah menjadi tanggungjawab penghuni berkenaan.

9. PEMATUHAN PERATURAN ASRAMA

Penghuni asrama adalah tertakluk kepada peraturan asrama yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa CIAST.

10. KELULUSAN

Polisi penginapan asrama telah diluluskan dalam Mesyuarat Pengurusan CIAST Bil 6/2010 pada 20 Julai 2010.

11 TARIKH KUATKUASA

Polisi ini berkuatkuasa dari tarikh ia dikeluarkan.

12 PENUTUP

Kerjasama semua pihak mematuhi polisi asrama CIAST yang telah ditetapkan adalah diperlukan bagi menentukan keselesaan dan keharmonian penghuni asrama

Disahkan oleh



(~~G~~HAZLAN BIN GHAZALI)

Pengarah CIAST

Tarikh : 28 JULAI 2010